

**Arahan:** Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

5.1 Latar Belakang  
Penubuhan Persekutuan  
Tanah Melayu 1948

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan keanggotaan Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan pada 25 Julai 1946.

**Jawatankuasa Kerja**

- Wakil UMNO
- Wakil Raja-raja Melayu
- Pegawai Kanan British

Apakah tujuan utama penubuhan jawatankuasa tersebut? BUKU TEKS m.s. 126

- A Melaksanakan Malayan Union
- B Membincangkan kemerdekaan Tanah Melayu
- C Meninjau pendapat rakyat tentang Malayan Union
- D Menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

- 2 Rajah berikut berkaitan dengan Jawatankuasa Kerja.

**Jawatankuasa X**

- Ditubuhkan pada 25 Julai 1946
- Dianggotai oleh wakil Raja-raja Melayu, wakil UMNO dan pegawai kanan British.

Apakah cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa X tersebut? BUKU TEKS m.s. 127

- I Dewan Rakyat dibentuk
  - II Sistem Ahli diperkenalkan
  - III Syarat kewarganegaraan diperketat
  - IV Dewan Undangan Negeri ditubuhkan
- A I dan II    C II dan III  
B I dan IV    D III dan IV

- 3 Gambar berikut menunjukkan pemimpin pertubuhan Melayu.



Apakah persamaan perjuangan mereka? BUKU TEKS m.s. 129

- A Menentang Malayan Union
- B Membantah kemasukan imigran
- C Membebaskan tanah air daripada penjajahan
- D Menyokong penubuhan Jawatankuasa Kerja

- 4 Pertubuhan berikut telah bergabung pada tahun 1947.

- Majlis Tindakan Bersama Seluruh Malaya (AMCJA)
- Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)

Apakah tujuan gabungan pertubuhan tersebut? BUKU TEKS m.s. 128

- A Membentuk Melayu Raya
- B Memajukan ekonomi negara
- C Memperjuangkan hak orang dagang
- D Menolak Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

- 5 Pada bulan Julai 1947, cadangan Perlembagaan Persekutuan yang disemak oleh Jawatankuasa Kerja telah diumumkan kepada awam. Apakah alasan gabungan PUTERA-AMCJA untuk menentang cadangan tersebut? BUKU TEKS m.s. 128

- A Bersifat radikal
- B Tidak demokratik
- C Kebajikan rakyat terjejas
- D Melambatkan proses kemerdekaan

- 6 Mengapakah All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) menolak Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan pada 25 Julai 1946? BUKU TEKS m.s. 128

- A Tidak memperjuangkan kemerdekaan
- B Kurang menitikberatkan kebajikan rakyat
- C Kurang mempertahankan hak orang Melayu
- D Tidak mempunyai wakil orang bukan Melayu

- 7 Golongan nasionalis Melayu radikal melaungkan perjuangan sejak penghujung tahun 1930-an.

Apakah yang diperjuangkan oleh mereka? BUKU TEKS m.s. 129

- I Kemerdekaan negara
  - II Kebebasan hak bersuara
  - III Penubuhan sekolah Melayu
  - IV Penghapusan Malayan Union
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 8 Tokoh-tokoh berikut digelar sebagai golongan nasionalis Melayu radikal.

- Ahmad Boestaman
- Ishak Haji Muhammad
- Abdul Samad Ismail

Mengapakah golongan tersebut dianggap radikal oleh British? BUKU TEKS ms. 128

- I Terpengaruh dengan fahaman komunis  
 II Menuntut kemerdekaan secara revolusi  
 III Berani menentang British secara terbuka  
 IV Membangkitkan perasaan anti-British melalui penulisan
- A I dan II C II dan III  
 B I dan IV D III dan IV

- 9 Pertubuhan berikut menentang rangka Perjanjian Persekutuan 1948.

- Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)
- All Malaya Council of Joint Action (AMCJA)

Apakah yang dihasilkan oleh mereka sebagai alternatif kepada Perjanjian Persekutuan 1948? BUKU TEKS ms. 130

- A Perlembagaan Rakyat  
 B Perjanjian Rakyat Bersatu  
 C Perlembagaan Persekutuan  
 D Perjanjian Persekutuan Bersatu

- 10 Pada bulan Julai, 1947, PUTERA-AMCJA telah mengemukakan Perlembagaan Rakyat.

Apakah kandungan Perlembagaan Rakyat? BUKU TEKS ms. 130

- I Raja-raja Melayu berkuasa mutlak  
 II Penyatuan Tanah Melayu tanpa Singapura  
 III Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal  
 IV Penubuhan sebuah Dewan Perundangan Pusat
- A I dan II C II dan III  
 B I dan IV D III dan IV

- 11 Maklumat berikut menorangkan tindakan British pada tahun 1947.

- British menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang digubal oleh Jawatankuasa Kerja.
- British menolak Perlembagaan Rakyat yang dihasilkan oleh PUTERA-AMCJA

Apakah tindakan PUTERA-AMCJA seterusnya? BUKU TEKS ms. 131

- A Mengajukan hartal  
 B Mengadakan demonstrasi  
 C Membubarkan PUTERA-AMCJA  
 D Melancarkan pemberontakan bersenjata

- 12 Program berikut telah dianjurkan oleh PUTERA-AMCJA.

**20 OKTOBER 1947  
 HARI HARTAL  
 SE-MALAYA**

Apakah yang dilakukan oleh penyokong mereka? BUKU TEKS ms. 131

- A Mengadakan rapat umum  
 B Mengadakan perhimpunan  
 C Menutup kedai perniagaan  
 D Meletakkan jawatan penting

### 5.2 Faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

- 13 Ahli Parlimen British yang berikut telah membuat lawatan ke Tanah Melayu pada tahun 1946.

- Gammans
- Rees Williams

Apakah tujuan utama kedatangan mereka?

- A Mengadakan rundingan dengan Raja-raja Melayu  
 B Menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu  
 C Meninjau bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union  
 D Menghentikan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union

- 14 Jadual berikut menunjukkan perkembangan politik di negara kita pada tahun 1940-an.

Tarikh	Peristiwa
1 April 1946	Pembentukan Malayan Union
1 Februari 1948	Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu

Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pihak British bersetuju untuk menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu? BUKU TEKS ms. 132 - 133

- I Desakan pelabur British  
 II Dasar dekolonisasi British  
 III Sikap sederhana orang Melayu  
 IV Tekanan kuasa Eropah yang lain
- A I dan II C II dan III  
 B I dan IV D III dan IV

- 15 Pada tahun 1948, British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu. Mengapakah pihak British berbuat demikian? BUKU TEKS ms. 132 - 133

- I Dasar kolonialisme  
 II Tuntutan orang dagang  
 III Penentangan orang Melayu  
 IV Sokongan pentadbir British
- A I dan II C II dan III  
 B I dan IV D III dan IV

16 Pegawai tinggi British berikut telah mengadakan portemuan dan rundingan dengan Raja-raja Melayu di Kuala Kangsar pada 27 Mei 1946.

- Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral
- Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union.

Apakah yang dicadangkan oleh Raja-raja Melayu kepada pegawai tinggi British tersebut?

BUKU TEKS ms. 133

- I Raja berkuasa dalam perundangan
  - II Penubuhan persekutuan bertaraf naungan
  - III Jawatan Gabenor digantikan dengan Setiausaha Agung
  - IV Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamai Malaysia
- A I dan II C II dan III  
B I dan IV D III dan IV

17 Pegawai tinggi British yang berikut telah mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu bagi menggantikan Malayan Union.

- Sir Edward Gent
- Malcolm MacDonald
- Sir Ralph Hone

Mengapakah mereka menyokong konsep persekutuan?

BUKU TEKS ms. 133

- I Keamanan diwujudkan
  - II Ekonomi negara dimajukan
  - III Perpaduan rakyat dieratkan
  - IV Sistem pendidikan kebangsaan dilaksanakan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

21 Majlis Mesyuarat Persekutuan terdiri daripada ahli rasmi dan ahli tidak rasmi.

Siapakah yang bertanggungjawab melantik ahli tidak rasmi?

BUKU TEKS ms. 134

- A Gabenor C Leftenan Jeneral  
B Majlis Raja-Raja D Pesuruhjaya Tinggi

18 British perlu melaksanakan dasar berikut yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik.

Dasar dekolonisasi

Apakah maksud dasar tersebut?

BUKU TEKS ms. 133

- A Peluasan wilayah
- B Pemerintahan berpusat
- C Proses ke arah berkerajaan sendiri
- D Pemulihan sistem pemerintahan beraja

### 5.3 Ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948

19 Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948.

Pentadbiran kerajaan Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh

BUKU TEKS ms. 134

- A Gabenor
- B Perdana Menteri
- C Pesuruhjaya Tinggi
- D Yang di-Pertuan Agong

20 Majlis menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan di King's House, Kuala Lumpur pada tahun 1948.

Apakah ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

BUKU TEKS ms. 134 - 135

- I Syarat kerakyatan diperketatkan
  - II Majlis Raja-Raja Melayu dibubarkan
  - III Singapura dimasukkan dalam persekutuan
  - IV Rang undang-undang perlu diperkenan oleh Majlis Raja-Raja
- A I dan II C II dan III  
B I dan IV D III dan IV

22 Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi.

Apakah bidang kuasa Majlis tersebut?

BUKU TEKS ms. 133

- I Percukaian
  - II Kehakiman
  - III Pendidikan
  - IV Keagamaan
- A I dan II C II dan III  
B I dan IV D III dan IV

23 Setelah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dikuatkuasakan, golongan manakah layak diberi kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu secara jus soli?

BUKU TEKS ms. 135

- I Rakyat raja
  - II Rakyat British
  - III Golongan imigran
  - IV Golongan yang memberi kesetiaan
- A I dan II C II dan III  
B I dan IV D III dan IV

24 Orang Melayu dan orang Asli yang lahir dan tinggal di negeri Melayu yang mempunyai sultan dikenal sebagai

BUKU TEKS ms. 135

- A Rakyat Raja
- B Rakyat Biasa
- C Rakyat British
- D Rakyat Negeri

25 Maklumat berikut berkaitan dengan kewarganegaraan yang diperoleh mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Secara kuat kuasa Undang-Undang
- Secara Pendaftaran

Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang yang memperoleh kewarganegaraan secara pendaftaran?

BUKU TEKS ms. 135

- I Menguasai bahasa Melayu
- II Lahir di luar negeri Melayu
- III Memahami adat resam Melayu

IV Taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu

- A I dan II C II dan III  
B I dan IV D III dan IV

26 Rakyat British ialah mereka yang lahir di Melaka, Pulau Pinang dan mana-mana tanah jajahan British yang lain. Rakyat British memperoleh kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu secara

- A jus soli
- B naturalisasi
- C pendaftaran
- D permohonan

5.4 Kesan Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

27 Mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dapat diterima oleh orang Melayu?

- A Kerakyatan ditentukan
- B Kedudukan istimewa dilindungi
- C Kebebasan bersuara dalam politik
- D Kelonggaran menubuhkan parti politik

28 Perjanjian berikut ditandatangani pada 21 Januari 1948.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948


Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap sistem pemerintahan beraja di Tanah Melayu?

- A Pembubaran Majlis Raja-Raja
- B Pengembalian kuasa Raja-raja Melayu
- C Penyingkiran sistem pemerintahan beraja
- D Pelantikan Penasihat British dalam pentadbiran

29 Pihak British telah menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) pada tahun 1949. Apakah peranan CLC?

- A Mengeratkan perpaduan kaum
- B Mengukuhkan kestabilan politik
- C Memupuk semangat kebangsaan
- D Menjaga kedudukan istimewa penduduk tempatan

30 Rajah berikut menunjukkan perubahan sistem politik di negara kita



Apakah kesan daripada perubahan tersebut?

- A Penubuhan Majlis Melayu
- B Pengenalan jawatan Gabenor
- C Penghapusan syarat kerakyatan
- D Pengiktirafan kedudukan istimewa orang Melayu